

09 OCT 2003

FELDA-IPO

LAPORAN IPO FELDA DISERAH KEPADA KABINET DUA MINGGU LAGI

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Laporan mengenai bagaimana penyenaaraian Felda Holdings akan memperbaiki masa depan peneroka akan diserahkan kepada Kabinet dua minggu lagi, kata Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi, hari ini.

Empat kementerian -- Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian, sedang merangka struktur terperinci tawaran awam permulaan (IPO) syarikat itu agar dapat meningkatkan pendapatan peneroka FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), katanya.

Mohd Effendi berkata kementeriannya mahu menggunakan IPO yang disyorkan itu sebaik-sebaiknya. Selain menanam kelapa sawit, kementeriannya juga akan menggalakkan peneroka menanam tanaman makanan, tanaman jangka pendek dan tanaman kekal, katanya.

Cadangan untuk menyenaaraikan Felda Holdings di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 pada 12 Sept. lepas di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan, berkata penyenaaraian itu membolehkan Felda Holdings mendapatkan wang dari pasaran modal dan tidak lagi bergantung kepada kerajaan untuk keperluan kewangannya.

Wang hasil IPO akan digunakan kerajaan, pewaris terbesar penyenaaraian itu, untuk tujuan pembangunan.

Felda Holdings merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti perladangan di atas tanah seluas 354,554 hektar milik FELDA. Ia turut turut mengilang dan menapis hasil yang dikeluarkan peneroka. Keluasan tanah milik peneroka ialah 447,246 hektar.

Di bawah cadangan IPO itu, Felda Holdings akan membeli semua tanah ladang milik FELDA dan menerbitkan saham baru Felda Holdings kepada FELDA. Ia juga akan membeli ekuiti anak syarikat dan syarikat bersekutu FELDA dan Koperasi Permodalan Felda dengan menerbitkan saham baru Felda Holdings kepada FELDA dan Koperasi Permodalan Felda.

Peneroka dan pekerja Felda kini memiliki 51 peratus ekuiti dalam Felda Holdings menerusi Koperasi Permodalan Felda. Bagaimanapun, ekuiti mereka akan berkurangan berikutan suntikan aset FELDA ke dalam Felda Holdings.

Ekuiti Felda Holdings milik FELDA kemudiannya akan dipindahkan kepada Menteri Kewangan diPerbadankan (MOF).

Dengan itu, pemegang saham utama Felda Holdings ialah MOF dan Koperasi Permodalan Felda. Kedua-dua institusi ini akan membuat tawaran kepada pelabur runcit dan institusi.

MOF juga akan membuat tawaran kepada kerajaan negeri di bawah program yang akan diumumkan kemudian.

Di bawah cadangan penyenaaraian itu, peneroka juga akan diperuntukkan saham purata bernilai RM6,000 setiap seorang berdasarkan kepada peruntukkan RM1 bilion saham. Pekerja FELDA pula akan ditawarkan saham di bawah skim saham pekerja. -- BERNAMA

SM SHY JR